

SIARAN MEDIA

7 OKTOBER 2016

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

CYBERSECURITY MALAYSIA – UNIVERSITI UTARA MALAYSIA JALIN KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUHKAN PERTAHANAN SIBER NEGARA

SERI KEMBANGAN, 6 OKTOBER 2016 – CyberSecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini meneruskan komitmen dalam menjamin keselamatan pertahanan ruang siber negara dengan memeterai kerjasama strategik bersama Universiti Utara Malaysia (UUM).

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak telah berlangsung di pejabat CyberSecurity Malaysia di Seri Kembangan, Selangor. CyberSecurity Malaysia diwakili oleh Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif manakala UUM diwakili oleh Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak, Naib Canselor UUM.

“Jalinan kerjasama di antara CyberSecurity Malaysia dan UUM merupakan salah satu langkah proaktif dan inovatif bagi menyediakan kesiapsiagaan pertahanan siber negara secara dinamik selari dengan senario ancaman siber semasa” kata Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia.

MoU tersebut meliputi jalinan kerjasama dalam program keselamatan siber yang merangkumi penganjuran seminar serta persidangan, penyelidikan, pembangunan program atau silibus akademik yang memberi fokus dalam aspek keselamatan siber.

CyberSecurity Malaysia akan memberi kerjasama menerusi penyediaan perkhidmatan teknikal yang khusus kepada UUM di samping memartabatkan program penyelidikan yang merangkumi penyelidikan operasi dan fundamental oleh UUM, sekaligus menyumbang kepada pengukuhan aspek keselamatan siber negara.



Securing Our Cyberspace



Menurut Dr. Amirudin, “semua pihak perlu seiring dan saling bergandingan dalam usaha mempertingkatkan kawalan keselamatan ruang siber negara yang semakin berisiko terhadap serangan siber dari pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesediaan UUM untuk menjalin kerjasama ini membuktikan organisasi dari bidang akademik turut menyahut serta menggalas tanggungjawab dalam mempertahankan benteng keselamatan siber di negara.”

Sementara itu, Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor UUM, berkata, “Perkongsian pintar antara UUM dan CyberSecurity Malaysia adalah sebahagian daripada jawapan terhadap permasalahan keselamatan siber. Bukan sekadar terhad kepada usaha menangani ancaman siber yang disebut di atas, tetapi juga dalam meneroka peluang-peluang yang terhasil daripada ancaman dan serangan siber tersebut umpamanya penghasilan harta intelek (IP), aktiviti perundingan dan latihan sumber manusia. UUM amat mengalu-ngalukan kesediaan CyberSecurity Malaysia untuk bekerjasama dan membantu UUM dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan kurikulum, pemantapan kepakaran tenaga akademik UUM dalam bidang keselamatan siber.”

“Melonjak sebagai ‘Centre of Excellence’ dalam bidang keselamatan siber di utara semenanjung khususnya di Negeri Kedah, UUM akan memainkan peranan utama membantu Kerajaan Negeri, organisasi, industri serta pengguna Internet dalam memperkasakan bidang keselamatan siber. UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka di dunia menyediakan kepelbagaiannya bidang termasuk teknologi maklumat dan keselamatan rangkaian. Kekuatan UUM ini bersama dengan kerjasama dan sokongan padu CyberSecurity Malaysia akan memantapkan peranan UUM menangani isu-isu keselamatan siber bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.” ujar Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak lagi.

Menerusi MoU ini, penghasilan inovasi-inovasi baru dalam usahasama penyelidikan dalam bidang keselamatan siber dapat dilihat dengan bakal wujudnya hubungan kerjasama di kalangan penyelidik dari CyberSecurity Malaysia dan UUM.

Sebelum ini, telah wujud kolaborasi di antara CyberSecurity Malaysia dan UUM seperti pengajuran bersama persidangan NETAPPS 2012 dan Malaysian Internet Governance Forum (MyIGF 2014) pada tahun 2014 dan penglibatan CyberSecurity Malaysia sebagai penceramah jemputan pada beberapa persidangan atau forum anjuran UUM awal tahun 2016.

*** TAMAT ***

Issued by CyberSecurity Malaysia, the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to info@cybersecurity.my

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia

For media enquiries email us at media@cybersecurity.my or call 603-8992 6888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Sandra Isnaji (ext: 6977) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)